

# Peluang kerjasama sektor automotif Korea Selatan

BH - 28/11/2019 m/s: 2

## PM mahu lebih banyak pelaburan masuk Malaysia



Dasar Automotif Nasional (NAP) 2019 yang bakal dilancarkan tidak lama lagi akan membuka peluang ke arah kerjasama dengan sektor automotif Korea Selatan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang kagum dengan kemajuan sektor automotif Korea Selatan, mahu lebih banyak pelaburan negara itu memasuki Malaysia.

“Dalam lawatan ini, saya berpeluang memandu kereta berkuasa hidrogen dan amat tertarik betapa senyap kenderaan berkenaan,” katanya yang tiba di Seoul semalam, bagi memulakan lawatan rasmi dua hari buat kali pertama sejak menjadi Perdana Menteri ketujuh.

Beliau diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba dari Busan selepas menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Korea Selatan (ROK) 2019, selama dua hari yang berakhir kelmarin.

Bercakap pada sesi perjumpaan dihadiri kapten industri dari 29 syarikat yang diketuai Menteri

Perdagangan, Industri dan Tenaga Korea Selatan, Yoo Myung-hee, Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu menyaksikan lebih banyak pelaburan dalam pembuatan berteknologi tinggi.

Antara bidang yang menarik minat beliau adalah dalam sektor Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), tenaga diperbaharui (solar, angin dan sebagainya) dan perkhidmatan yang mampu mewujudkan peluang pendapatan tinggi.

“Ini adalah petanda kematangan ekonomi Malaysia yang kini di kemuncak untuk memasuki negara berpendapatan tinggi,” katanya.

Dr Mahathir berkata, fasa pertama NAP 2019 akan memfokuskan peningkatan dasar bagi memanfaatkan teknologi baharu termasuk dari segi modal insan dan kecekapannya.

“Diharapkan menerusi dasar baharu NAP 2019 ini, Malaysia akan meneroka kerjasama dengan Republik Korea dalam sektor automotif,” katanya.

Malaysia, pada masa ini menerima sejumlah besar syarikat Korea termasuk Lotte, Samsung, POSCO, Hanwha dan SK Group, selain perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti Kumkang Kind, Affluent Best Blending dan Youngreem Tech.

Tahun lalu, syarikat Korea termasuk Iljin Materials turut menambahkan senarai dan menubuhkan kilang pengeluarannya yang pertama di luar negara iaitu di Sarawak.

Korea Selatan adalah pelabur asing kelima terbesar di Malaysia.

Sehingga 2018, sejumlah 376

projek pembuatan dengan penyertaan Korea Selatan mencatatkan keseluruhan pelaburan bernilai AS\$7.83 bilion (RM25.89 bilion).

Dr Mahathir menegaskan, Malaysia sentiasa membuka peluang pelaburan asing tanpa mengira geografi dan sektor. Bagaimanapun, negara perlu lebih bijak dalam pemilihan industri, berbeza dengan sebelumnya yang menerima sebarang jenis pelaburan.

Perdana Menteri berharap, kedua-dua negara dan rakyatnya akan terus dapat meningkatkan hubungan menerusi pertukaran antara rakyat menjelang ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik Malaysia-Republik Korea, tahun depan.

Pada mesyuarat meja bulat berkenaan, Dr Mahathir diiringi Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Men-

teri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darell Leiking.

Hari ini, Perdana Menteri akan mengetuai delegasi Malaysia dalam mesyuarat dua hala dengan Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in, membincangkan usaha untuk meningkatkan hubungan kedua negara.

Kedua-dua pemimpin juga dijadual menyaksikan majlis memeterai empat memorandum persefahaman (MoU) dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); kerajaan digital; penjagaan kesihatan dan sains perubatan, serta pengurusan air dan pementungan.

Terdahulu, Dr Mahathir yang tiba di Pangkalan Udara Seoul diberi sambutan rasmi dengan berkumandangannya lagu popular *Standing In The Eyes of The World*.

Lagu berkenaan, yang sinonim dengan Perdana Menteri Malaysia itu selepas Sukan Komanwel 1998, dipersembahkan oleh pasukan pancaragam dan kumpulan persembahan Tentera Korea Selatan.

Pesawat khas membawa Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah mendarat di pangkalan udara berkenaan pada jam 1.30 tengah hari waktu tempatan (12.30 tengah hari waktu Malaysia).

Hadir menyambut ketibaan beliau ialah Menteri Kesihatan dan Kebajikan Korea, Park Neung-hoo dan Duta Korea Selatan di Malaysia, Lee Chi-beom.

**Diharapkan menerusi dasar baru NAP 2019 ini, Malaysia akan meneroka kerjasama dengan Republik Korea dalam sektor automotif.**

**Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri**